

TARIKH	16 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	d4	RUANGAN	pendidikan

Kuasai bahasa Inggeris

» **Kelab
TaHa English
Camp 2012**

Oleh Siti Fatimah
Mohamed Anwar
ctfa@berian.com.my

Seramai 150 orang murid sekolah rendah sekitar Perlis menyertai Kelab TaHa English Camp 2012 anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH dalam usaha memperbaiki penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah, baru-baru ini.

Program yang mempunyai nisian lebih santai itu bertujuan untuk memberi keyakinan kepada murid sekolah berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan melakukan pelbagai aktiviti berkumpulan yang dapat memupuk pembudayaan ilmu dan semangat kerja berkumpulan.

Peserta yang mewakili buah 10 buah sekolah rendah itu dibagi-



WALAUPUN SEHARI, NAMUN PROGRAMINI MENIMBULKAN MINAT MENDALAM UNTUK TERUS BELAJAR BAHASA INGGERIS"

Wan Mohd Azmil Mohd Khalil, Murid SK Pauh

kan kepada beberapa kumpulan sebelum dikehendaki mencipta logo, nama kumpulan dan juga sorakan kumpulan.

Selain itu mereka juga turut melakukan aktiviti persembahan drama, 'Ice Breaking Activities', 'Explorace' dan pelbagai aktiviti permainan untuk memperbaiki penggunaan bahasa Inggeris.

Murid Sekolah Kebangsaan Pauh, Wan Mohd Azmil Mohd Khalil, 12, berkata program berkenaan mampu meningkatkan keyakinannya bertutur dalam bahasa Inggeris dengan bantuan rakan dan moderator terlatih.

Katanya, peluang menyertai Kelab TaHa English Camp 2012 ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan tahap penggunaan bahasa Inggeris yang akan dimanfaatkan ketika menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Membina keyakinan bertutur
"Program ini berjaya meningkatkan pengetahuan saya mengenai penggunaan ayat yang betul ketika bertutur dalam bahasa Inggeris. Selain dapat menajamkan kemahiran komunikasi, saya juga dapat

mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan baharu dan memupuk semangat kerja berpasukan.

"Walau pun hanya sehari, namun program ini menimbulkan minat mendalam kepada saya untuk terus mempelajari Bahasa Inggeris dan yakin ia sedikit sebanyak membantu saya menghadapi UPSR nanti," katanya.

Rakan sekolahnya, Nabila Izati Norafendi, 12, berkata program itu bukan sahaja dapat mewujudkan minat terhadap subjek bahasa Inggeris tetapi membuka peluang kepada mereka mengenali rakan baru.

"Apabila mengetahui yang sekolah akan menghantar wakil untuk menyertai Kelab TaHa English Camp 2012 saya terus meminta kepada guru untuk menyertai. Saya berasa berterima kasih kerana terpilih mewakili sekolah

bersama-sama 25 orang rakan' "Program ini menambah kemahiran saya untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris kerana sebelum ini timbul perasaan malu kerana kurang keyakinan berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Pembangunan Perniagaan, Jabatan Pengedaran The New Straits Times Press (M) Berhad, Puan Salmah Hanim Hares, berkata program berkenaan dianjurkan untuk memupuk minat dan keyakinan pelajar sekolah bertutur dalam bahasa Inggeris.

"Kelab TaHa English Camp 2012 ini adalah yang julung kali diadakan sejak lima tahun. Kelab TaHa diwujudkan. Program ini berkoncepcian belajar secara santai menerusi pendekatan dengan aktiviti menghiburkan kepada peserta."



Sebahagian daripada peserta Seminar Bahasa Inggeris anjuran Kelab TaHa TH dan BH membuat tugas yang diberikan di Hotel Putra Palace. (Foto EIZAIRI SHAMSUDIN / BH)